

LAPORAN TAHUNAN 2018

47 TAHUN MEMBANGUN LEGASI (1971 - 2018)



Imej pada kulit buku
Laporan Tahunan 2018 adalah
gambaran dari
KEJAYAAN PPAS MEMENANGI
'3rd BEST IFLA POSTER'

Poster
'THE TROJAN HORSE of BOOKS'
@ Raja Tun Uda Library,
Shah Alam telah
dipertandingkan
di persidangan IFLA World
Library and Information
Congress (WLIC)
di Kuala Lumpur, Malaysia



Reaching out to the hard to reach

MENARIK DI DALAM

PERUTUSAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	01
PERUTUSAN PENGERUSI	03
PERUTUSAN PENGARAH	04
LATAR BELAKANG	05
PUSTAKA RAJA TUN UDA	06
LOGO & MASKOT	09
MAKLUMAT JABATAN VISI, MISI, SLOGAN, TAGLINE	11
AHLI LEMBAGA PENGARAH	13
KUMPULAN PENGURUSAN	15
CARTA ORGANISASI	16
PENCAPAIAN PPAS	17

UNIT KORPORAT	33
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)	35
KHIDMAT PENGURUSAN	36
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2017	37
FASILITI PUSTAKA RAJA TUN UDA	39
UNIT KEWANGAN	47
BAHAGIAN PEMBANGUNAN	49
PEMBANGUNAN KOLEKSI	51
PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN	55
PERKHIDMATAN RUJUKAN & PENYELIDIKAN	56
PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN	57
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUSAN ILMU	59

GERAKAN MEMBACA	60
PENCAPAIAN STATISTIK	61
AKTIVITI GALAKAN MEMBACA / GERAKAN MEMBACA	73
KESUKA	75
BELANGSUNGKAWA	77

PPAS @ MEDIA/BLOG	81
HUBUNGI KAMI	91
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	95

PERUTUSAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi yang telah memberikan saya peluang dan kekuatan menggalas tanggungjawab untuk merancakkan ekonomi negeri, memberdayakan rakyat dan mensejahterakan negeri.

"The illiterate of the 21st century will not be those who cannot read and write, but those who cannot learn, unlearn and relearn."

~ Alvin Toffler

Dalam membina semula negara, kita mesti memahami bahawa kemakmuran tidak pernah diberikan. Ia mesti diperolehi. Perjalanan kita tidak pernah ada jalan pintas, sebaliknya ia adalah jalan bagi pengambil risiko, pemikir dan pelaku, yang akan membawa kita ke arah kemakmuran dan kesejahteraan.

Masa sudah tiba untuk memperkuatkan semula semangat yang cekal bagi memilih sejarah yang lebih baik agar dapat diteruskan dari satu generasi ke generasi. Ke mana-mana sahaja kita melihat, ada kerja yang perlu dilakukan. Keadaan ekonomi memerlukan tindakan yang berani dan cepat, dan kita akan bertindak—bukan sahaja untuk mewujudkan pekerjaan baharu, tetapi untuk meletakkan asas baharu bagi pertumbuhan.

Seberapa banyak yang dapat dilakukan dan mesti dilakukan oleh kerajaan, akhirnya bergantung kepada kepercayaan, penerimaan dan tindakan rakyat Selangor. Justeru iltizam untuk mengangkat agenda pendidikan perlu dipikul semua. Acuan perlu diolah sedari awal bagi merealisasikan visi *Smart State* yang bukan sekadar menjadi jaguh di dalam negara tetapi mampu menaungi bandar maju di negara serantau.

Sudah pastilah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menjadi bongkah acuan utama di dalam menggarap tanggungjawab ini. Perpustakaan awam bukan sahaja bertindak sebagai institusi maklumat, tetapi perlu berperanan sebagai *one stop centre* yang menjadi mata, telinga dan mulut kerajaan negeri di dalam memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada rakyat.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor atas pencapaian terbaik sepanjang tahun 2018. Teruskan usaha, semoga pencapaian ini menyemarakkan semangat ke arah Selangor Maju Bersama.

YAB Amirudin bin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor



PERUTUSAN PENGERUSI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Lebih daripada sebuah gedung yang menempatkan buku dan data, perpustakaan sentiasa menjadi tingkap ke dunia yang lebih besar. Perpustakaan merupakan sebuah tempat di mana kita selalu menemui idea-idea besar dan konsep yang mendalam bagi membantu mengerakkan cerita ke hadapan.

Pembentukan generasi akan datang ditentukan oleh acuan pemikiran dan sikap hari ini. Perpustakaan mengingatkan kita bahawa kebenaran bukan tentang siapa yang berteriak paling kuat, tetapi siapa yang mempunyai maklumat yang betul. Oleh itu, perpustakaan perlu sama-sama memikul tanggungjawab ini kerana apa yang kita lakukan pada masa sekarang, adalah lakaran masa hadapan.

Untuk mencapai kemakmuran bersama, perpustakaan awam dengan keupayaannya yang unik dan universal, perlu memperluaskan peluang kepada setiap hati yang bersedia—bukan sekadar sebagai satu kebajikan, tetapi kerana ia adalah laluan paling selamat untuk kebaikan kita bersama.

Sekalung tahniah dan syabas kepada Pengarah dan semua warga kerja PPAS untuk usaha sepanjang tahun 2018. Tema persidangan antarabangsa *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)* pada tahun ini, **“Transform Libraries, Transform Societies”** telah berjaya dimanifestasi dan dilaksanakan oleh PPAS melalui perubahan sikap kakitangan; bangunan perpustakaan yang cantik, selesa, kondusif dan moden; koleksi bahan perpustakaan yang terkini, menarik dan berkualiti; dan program-program perpustakaan yang kreatif, relevan dan efektif.

Dan yang paling memberangsangkan ialah kemenangan poster **“Smart Selangor Mobile Library: The Trojan Horse of Books”** di persidangan IFLA 2018. Walaupun di tempat ketiga, ia masih merupakan satu kenangan manis kerana PPAS memenangi Poster Session selama dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2017 dan 2018.

Selamat tinggal tahun 2018, selamat datang tahun 2019. Semoga PPAS akan mengekalkan momentumnya dalam usaha menambah nilai dalam kehidupan masyarakat.

YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Pengerusi

Lembaga Pengarah Perbadanan
Perpustakaan Awam Selangor



PERUTUSAN PENGERAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, terlalu banyak perkara untuk disyukuri apabila melihat kembali pengalaman sepanjang tahun 2018.

Antara kenangan manis yang dirakam pada awal tahun boleh dipetik daripada sebaris kata-kata Presiden *International Federation of Library Association and Institution (IFLA)*, Glòria Pérez-Salmeròn, dalam ucapannya semasa berkunjung ke Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam, 24 Januari 2018:

“I wish one day Barcelona will have a library like this [Raja Tun Uda] library.”

Petikan kata-kata positif ini sudah cukup untuk menjana tenaga positif yang berpanjangan buat seluruh warga PPAS.

Kenangan manis lain PPAS ialah semasa menjadi hos kepada IFLA Camp6 pada 23 Ogos 2018. IFLA Camp merupakan satu program unconference yang dianjurkan oleh *IFLA Committee Members for Special Interest Group*, sebelum berlangsungnya *IFLA World Library and Information Congress (IFLA WLIC)* yang ke-84, di Kuala Lumpur. Sepanjang dan selepas IFLA WLIC berlangsung pula, Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam menjadi salah satu destinasi lawatan perpustakaan oleh delegasi antarabangsa IFLA.

Perjalanan tahun 2018 turut disulami dengan berita sedih apabila kami kehilangan beberapa orang kakitangan yang telah lama berkhidmat dengan Perbadanan ini. Semoga Allah mencucuri limpah rahmat-Nya ke atas roh mereka dan menerima segala amal bakti yang dicurahkan oleh insan-insan ini dalam perkhidmatan perpustakaan.

Tatkala senario ekonomi semasa memaksa banyak perpustakaan awam ditutup ataupun dipotong belanjawannya di United Kingdom, Kerajaan Negeri Selangor sebaliknya masih menyokong pembinaan baharu dan penaiktarafan perpustakaan di seluruh negeri ini. Sehingga kini, sebanyak **53 daripada 104 perpustakaan** telah diberi nafas baharu. Hasil kolaborasi juga telah membolehkan perpustakaan berkonsep kontena yang pertama di Malaysia, **terbina di sebuah kawasan perumahan B40**. Secara keseluruhan, projek pembangunan perpustakaan bagi tahun 2018 berjumlah lapan buah dengan melibatkan lima perpustakaan yang **dinaiktaraf** dan tiga buah perpustakaan dibina baharu.

Sokongan Kerajaan Negeri dalam kepentingan pembangunan perpustakaan, dan sokongan masyarakat yang berterusan menggunakan perkhidmatan perpustakaan, kedua-duanya amat kami hargai. Sekalang penghargaan juga kepada semua pihak dan individu yang berkolaborasi dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Semoga usaha-usaha yang dilaksanakan dengan niat yang murni akan dipermudahkan oleh Allah Taala, dan disempurnakan dengan penuh kebaikan. Sekian, terima kasih.

Hjh Mastura binti Hj Muhamad, S.I.S.

Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor



LATAR BELAKANG

05



Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No. 7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29, 2011 (pindaan).

Pada tahun 1971, Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah dibentuk bagi memulakan sebuah Perpustakaan Awam di Negeri Selangor. Langkah pertama ke arah ini ialah dengan pengambilan Kelab Buku Kuala Lumpur pada 20 Oktober 1971 untuk dijadikan sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Perpustakaan ini kemudian berpindah ke Shah Alam pada 16 November 1986 dan diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU). Rekabentuk bangunan perpustakaan Negeri ini adalah bercirikan kebudayaan Bugis, manakala rekabentuk dalamannya merupakan pertembungan budaya Timur dan Barat. Bangunan ini mengandungi enam tingkat dan mempunyai keluasan 102,545 kaki persegi di mana 40,420 kaki persegi adalah ruang bacaan yang dianggarkan dapat menampung seramai lebih 1,000 orang pembaca pada satu-satu masa. Rak-rak pula dapat menempatkan 250,000 naskah buku.

Perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai pada 18 April 1987 dan telah dibuka dengan rasminya pada 15 Mac 1988 oleh AlMarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni AlMarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj. Perpustakaan Raja Tun Uda merupakan sebuah Perpustakaan Negeri yang juga menjadi ibu pejabat bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.



Ibu pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berpindah sekali lagi ke bangunan baru bertempat di Seksyen 13, Shah Alam. Perpustakaan ini merupakan **hadiyah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor kepada rakyat Selangor** sempena pengisytiharan **"Selangor Maju 2005"**. Pelancaran tapak perpustakaan ini telah **disempurnakan pada 27 Ogos 2005 sebagai mercu tanda Selangor Maju 2005**.

Perpustakaan ini telah dibuka pada 22 Julai 2011 yang mempunyai 6 aras secara keseluruhan, berkeluasan **203,600 kaki persegi** dan dapat memuatkan seramai **2,500 orang pada satu-satu masa**. Perpustakaan Negeri ini berfungsi mentadbir, menyelenggara dan menyelaras perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negeri Selangor. Dalam masa yang sama, ia beroperasi sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Sekjak ditubuhkan pada tahun 1971, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bergerak seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri Selangor dan hingga kini Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai **104 pusat perkhidmatan** di seluruh Negeri Selangor.





PUSTAKA RAJA TUN UDA

07



Perpustakaan Raja Tun Uda (Bangunan Baru) berkonsepkan “**Perpustakaan dalam Taman**”. Lokasinya amat strategik, iaitu bersebelahan Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah. Ini merupakan pilihan **Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni AlMarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor** yang mahukan konsep perpustakaan ini di dalam taman.

Selain dari memberi perkhidmatan kepada pelajar, penyelidik dan pendidik, perpustakaan ini juga menjadi tempat beriadah seisi keluarga, sahabat – handai bahkan tempat mencari ilham kepada peminat buku dan pencinta seni. Sesuai dengan tagline iaitu ‘**Rumah Keduaku**’, konsep di rumah dibawa ke perpustakaan di mana pengunjung boleh menikmati suasana yang nyaman, selesa dan harmoni. Inilah keistimewaan dan uniknya Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam.

Bangunan setinggi 6 tingkat ini mempunyai keluasan **203,600 kaki per segi**. Konsep dalamannya penuh dengan kepelbagaiannya warna dan variasi serta dilengkapi dengan peralatan moden dan mempunyai reka bentuk kontemporari. Ianya dapat memuatkan **2,500 pengunjung** serta **400,000 naskhah buku**.

Pada cuti hujung minggu, cuti umum dan **cuti sekolah**, perpustakaan menerima jumlah pengunjung sehingga mencecah **8,000 orang dalam satu hari**.

08



LOGO BARU

09




Nama Perpustakaan Raja Tun Uda telah ditukar kepada Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam mulai Ogos 2018.

Logo ini adalah atas perkenan pilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor .

Grafik logo ini adalah hasil ciptaan Johan Design Associates (M) Sdn Bhd.

Penggunaan logo ini hanya untuk Pustaka Raja Tun Uda sahaja.

SMART SELANGOR i-Station



Projek Smart Selangor i-Station merupakan salah satu inisiatif dibawah gagasan Smart Selangor yang telah diluluskan pelaksanaannya oleh **Pemerbadanan Menteri Besar (MBI)**. Inisiatif ini merupakan salah satu sumbangan MBI kepada pihak kerajaan negeri Selangor dengan mengenal pasti PPAS sebagai rakan kerjasama yang paling sesuai bagi merealisasikan hasrat murni ini.

Mendemokrasi pendidikan dan memberi peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk mengasah kemahiran aras literasi dan numerasi, kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran seni kreatif.



PPAS memperkenalkan **ZON LEGO** di bahagian Zon Kreatif dengan objektif meningkatkan kemahiran dan kecekapan berfikir anak-anak sejak dari kecil, membina semangat kerjasama untuk menyiapkan objek dan blok-blok LEGO, mengembangkan kreativiti minda juga kemahiran berkomunikasi serta merancang. Ianya menjadi tarikan utama kepada anak-anak yang datang ke Pustaka Raja Tun Uda.

Untuk bermain di **ZON LEGO**, setiap kanak-kanak perlu membaca tiga (3) buah buku serta membuat sedikit ulasan buku. Setiap kanak-kanak boleh bermain selama **30 minit**.

BACA
3 BUKU
BERMAIN
30 MINIT



MAKLUMAT JABATAN

11



MASKOT Aliff dan Anis

Dari tahun 2009 - hingga kini



SLOGAN

Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Senyuman,
Sekali Klik Sejuta Maklumat

TAGLINE

PPAS Rumah Keduaku
PPAS My Second Home

REKAAN LOGO adalah imej unik yang berbentuk manusia yang sedang membaca di atas abjad “A”. Logo ini terbahagi kepada 4 warna.

Simbolik figura yang diletakkan pada huruf “A” mewakili **orang awam atau ahli perpustakaan**.

WARNA JINGGA melambangkan kreativiti, kejayaan dan galakan

WARNA COKLAT PUDAR melambangkan persekitaran dunia ilmu

WARNA BIRU FIRUS melambangkan kebijaksanaan dan kearifan

WARNA KELABU melambangkan kekuatan dan kekuasaan

12



Encik Busran bin Masan sedang memberikan perkhidmatan pinjaman buku

VISI

Menjadi pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan **spiritual, intelektual dan emosi**.

MISI

Memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.

Membangunkan prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.

Merealisasikan sebuah pusat pengumpulan koleksi negeri.

Membantu Kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

OBJEKTIF

Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara perpustakaan awam negeri dan cawangan perpustakaan di seluruh negeri.

Mengadakan dan menyelenggara Perpustakaan Bergerak dan mengambil alih Perpustakaan Desa.

Mengambil alih mana-mana perpustakaan yang ada di dalam negeri dengan persetujuan pentadbiran perpustakaan tersebut.

Mengembangkan dan menggalakkan bacaan khususnya dalam Bahasa Malaysia.

PIAGAM PELANGGAN

Memproses permohonan pendaftaran **keahlian perpustakaan dalam tempoh satu (1) jam hari bekerja**.

Memastikan **urusan pinjaman** bahan perpustakaan diselesaikan dalam **tempoh dua (2) minit** bagi setiap pelanggan kecuali waktu sesak.

Memastikan **bahan perpustakaan perolehan terkini tersedia di atas rak** untuk rujukan pelanggan Shah Alam dalam **tempoh dua (2) minggu**.

Perkhidmatan rujukan bersedia membantu anda untuk **mengesan bahan maklumat tidak lebih daripada satu (1) hari**.

Memberi **maklumbalas kepada aduan** yang lengkap kepada pengadu dalam **tempoh empat belas (14) hari bekerja**.



AHLI LEMBAGA PENGARAH



Timbalan Pengerusi
YB Dato' Saifuddin bin Abdullah
Pengerusi
Pusat Kajian Pembinaan Bangsa,
Institut Darul Ehsan



Pengerusi
YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Pendidikan, Pembangunan Modal Insan,
Sains dan Teknologi dan Inovasi



Setiausaha
Puan Hjh Mastura binti Hj Muhamad
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan
Awam Selangor



**YDH Dato' Haji Emran
bin Haji Kadir**
Dato' Orang Kaya Maha
Bijaya Petaling,



**Tuan Haji Mohd Salleh
bin Mohd Kassim**
Pengarah Jabatan
Pelajaran Selangor

**Dato' Nafisah
binti Ahmad**
Ketua Pengarah
Perpustakaan
Negara Malaysia



YB Puan Lee Kee Hiong
ADUN Kuala Kubu Bharu

**YB Tuan Rajiv
a/l Risyakaran**
ADUN Bukit Gasing

**YB Tuan Dr Idris
bin Ahmad**
ADUN Ijok

**YB Tuan Zaidi
bin Abdul Talib**
ADUN Taman Templer



Puan Faridah binti Talib
Timbalan Pustakawan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA (UiTM)



Encik Kamal bin Sujak
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Digital Siti Hasmah
Universiti Multimedia



**Encik Rahimi
bin Md. Saad**
Pensyarah Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya



**Encik Mohd. Jamali
bin Salamon**
Perunding Perpustakaan

KUMPULAN PENGURUSAN



CARTA ORGANISASI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



PENCAPAIAN PPAS

17

Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam telah menerima kunjungan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Almarhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman, dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor, serta Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin pada 25 Januari 2018.

18



PESTABUKU SELANGOR 2018



515,801
PENGUNJUNG
PESTA BUKU
SELANGOR
2018

Pada tahun ini, Pesta Buku Selangor telah berlangsung pada 29 Mac – 8 April 2018 bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC Convention Centre). Program ini berlangsung selama 11 hari dengan pelbagai aktiviti yang menarik untuk semua lapisan masyarakat yang bertemakan "Membaca Mencetus Kreativiti".

Majlis perasmian telah diadakan pada 31 Mac 2018 dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor.

BENGKEL ANJURAN PERSATUAN BOLA
SEPAK SELANGOR (FAS)

Bengkel anjuran Persatuan Bola Sepak (FAS) yang diadakan pada 4-6 Ogos 2018 di Pustaka Raja Tun Uda ini bersama penyokong – penyokong bola sepak Selangor telah memberikan impak yang positif untuk berkongsi idea, pengetahuan dan juga mengeratkan hubungan antara dua pihak. DYMM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor (RMS) selaku Presiden FAS menjadi tulang belakang dalam merealisasikan bengkel ini berjaya dianjurkan.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj mencemar duli ditemani oleh YAB Tuan Amiruddin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor untuk berkongsi idea dan menceritakan pengalamannya sepanjang menjadi peminat setia skuad Gergasi Merah. Baginda juga komited dan mendengar setiap koordinator bengkel menjelaskan peranan dan program-program yang akan dilaksanakan bagi memperkasakan bola sepak Selangor. Bengkel tersebut telah disertai oleh 126 peserta dan bengkel ini menjadi tunjang utama untuk menjadikan FAS lebih mampan dan memberikan sinar baharu kepada Skuad Gergasi Merah melangkah jauh ke hadapan.



KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN IFLA WLIC KE PUSTAKA RAJA TUN UDA



Gloria Pérez-Salmerón, Presiden IFLA telah membuat kunjungan hormat ke Pustaka Raja Tun Uda pada 24 Januari 2019. Puan Hjh Mastura binti Hj Muhamad (Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bersama YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Pengurus Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Puan Rashidah Bolhassan (Ketua Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak) dan YM Puan Ungku Noorakmal binti Ungku Sulaiman (Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Johor) turut bersama-sama meraikan kehadiran Presiden IFLA ke Pustaka Raja Tun Uda.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA KE-84 INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS & INSTITUTIONS: WORLD LIBRARY AND INFORMATION CONGRESS



IFLACamp FOR NEW PROFESSIONALS

IFLACamp yang dihoskan oleh PPAS merupakan tawaran kerjasama secara terus daripada pihak *New Professionals Special Interest Group (NPSIG)* yang diketuai oleh Vesna Vuksan kepada PPAS sewaktu pembentangan kertas kerja di Wroclaw, Poland. Seramai 77 peserta terlibat di dalam program ini dengan 14 daripadanya peserta antarabangsa dan 63 peserta tempatan melebihi sasaran 50 orang yang ditetapkan oleh pihak NPSIG yang telah diadakan pada 23 Ogos 2018.





SUKARELAWAN IFLA

Seramai 7 orang kakitangan PPAS telah terpilih sebagai sukarelawan IFLA dalam pelbagai tugas yang bersesuaian dengan kelebihan peribadi masing-masing.



PAVILION PPAS DI PERSIDANGAN IFLA WLIC, KUALA LUMPUR

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) telah menyertai pameran sebagai **pempamer** bagi menyokong Malaysia sebagai tuan rumah persidangan. Ianya juga sebagai menyahut saranan YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor agar PPAS mengambil bahagian secara berterusan semasa persidangan lepas yang berlangsung di Wroclaw, Poland.




Tuan Hj Rosham Hj Abdul Shukor (Perpustakaan Negara Malaysia) mengunjungi Pavilion PPAS dan PPAJ diberikan taklimat oleh pegawai PPAS Encik Zainuddin bin Tasiman, Puan Mujah binti Sayoothi dan Encik Saief El Taoufiq bin Samiaun yang bertugas di Pavilion.



Best IFLA Poster 2018

A special mention to

"#SmartSelangor Mobile Library: The Trojan horse of books" (Malaysia)



"THE TOP 3 POSTER"

Pada Persidangan IFLA WLIC kali ke 84, Kuala Lumpur sebanyak 4 poster PPAS telah terpilih menyertai sesi poster (*Poster Session*) yang dianjurkan pada persidangan berkenaan. Poster bertajuk "***THE TROJAN HORSE of BOOKS***" telah dipilih oleh juri sebagai ***THE TOP 3 IFLA POSTER SESSION*** kali ini.

Ini merupakan pencapaian yang berterusan selepas kejayaan di IFLA WLIC kali ke 83, Wroclaw, Poland. Konsep poster ini merujuk kepada metodologi sejarah Trojan menawan kota Greek dari dalam, di mana trojan menghantar patung kuda sebagai “hadiiah” kepada Greek. Dan sekaligus menghantar tentera khas Trojan secara senyap untuk menawan kota Greek.

PPAS menggunakan konsep ini dengan mengerakkan **#SMART MOBILE LIBRARY** ke kawasan miskin bandar (**B40**) bagi menyediakan kemudahan perpustakaan sebagai "haddiah" kepada komuniti berkenaan.





Perpustakaan Awam Selangor @ PJKita Community Library Kampung Lindungan, Petaling Jaya adalah projek perpustakaan yang pertama menggunakan kontena dengan berkeluasan 3,930 kps. Perpustakaan kontena yang unik dan moden ini adalah bertujuan memberi ruang, tempat yang selesa dan juga "My Second Home" kepada penduduk di sekitar Kampung Lindungan di mana penduduk kawasan tersebut adalah miskin Bandar (B40) dan kawasan perumahan kos rendah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Tuan Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 28 Julai 2018 dan dibuka secara rasmi kepada orang awam pada 31 Julai 2018.

Kemudahan bilik mesyuarat dan bilik seminar di perpustakaan ini bukan seperti perpustakaan lain di mana ianya boleh diakses selepas waktu operasi perpustakaan.

Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti :



Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor@The School Jaya One telah mula beroperasi pada 7 Oktober 2018.

Perpustakaan ini berkeluasan 4,004 kaki persegi, memuatkan 25,000 naskhah bacaan serta menerima 100 pengunjung perpustakaan dalam satu masa.

Perpustakaan ini terletak di dalam pusat membeli belah di mana sebelum ini ruangan tersebut adalah merupakan sebuah kedai buku (Sprouts Bookstore).



PROGRAM “FOSTER FRIENDSHIP” BERSAMA IKUBUNKAN INSTITUTE OF EDUCATION, JEPUN



Program “Foster Friendship” bersama Ikubunkan Institute of Education, Jepun telah berlangsung pada **19 November 2018** di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam. Program ini adalah program pertukaran kumpulan pelajar yang melibatkan seramai **170 orang** dari Ikubunkan Institute of Education, Jepun dan Sekolah Menengah Seksyen 18, Shah Alam. Program ini juga diangkat sebagai **“Education Tourism”** oleh Tourism Selangor dan PPAS sebagai pengajur bersama yang berkongsepkonsep pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*), belajar dengan keseronokan (*learning with fun*) dan peningkatan diri (*self improvement*).



Program ini telah dirasmikan

oleh **Duli Yang Maha Mulia**

Tengku Permaisuri Selangor,

Tengku Permaisuri Norashikin

170
PESERTA
“FOSTER
FRIENDSHIP”



SMART SELANGOR i-STATION

31



Projek Smart Selangor i-Station merupakan salah satu inisiatif di bawah gagasan Smart Selangor yang telah diluluskan pelaksanaannya oleh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI). Inisiatif ini merupakan salah satu sumbangan MBI kepada pihak kerajaan negeri Selangor dengan mengenal pasti PPAS sebagai rakan kerjasama yang paling sesuai bagi merealisasikan hasrat murni ini.

Tujuan utama Projek Smart Selangor i-Station ini adalah untuk menyediakan alternatif pendidikan dan memberi peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk mengasah kemahiran asas literasi dan numerasi, kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran seni kreatif.

Pustaka Raja Tun Uda dan Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya telah dipilih untuk menjadi pusat iOS App Development Camp.



JELAJAH 360° SMART SELANGOR

32



Smart Mobile Library (SML) juga telah memberikan komitmen dalam menjayakan program Jelajah 360° Smart Selangor yang dianjurkan oleh Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dengan tujuan mendokong aspirasi Kerajaan Negeri menjadi sebuah negeri pintar (*Smart State*) menerusi Smart Selangor seterusnya memberikan pendedahan dan pendekatan secara terus kepada rakyat Selangor sekali gus mempromosikan Smart Selangor.

Penganjuran siri Jelajah 360° ini juga merupakan antara gabungan kerjasama terbesar yang melibatkan anak syarikat, agensi dan jabatan Kerajaan Negeri Selangor, serta pihak-pihak lain bagi menjayakan visi tersebut. Siri jelajah yang pertama telah diadakan di Pantai Remis, Kuala Selangor pada 13-14 Oktober 2018, siri kedua pada 16-17 November 2018 di Oasis Street Mall, Batang Kali, Hulu Selangor dan siri ketiga di Pantai Morib, Kuala Langat pada 15-16 Disember 2018



UNIT KORPORAT



**127
MAKLUMBALAS
17
PUJIAN**

ADUAN DAN CADANGAN PELANGGAN

Sebanyak 127 maklumbalas pelanggan telah diterima sepanjang tahun 2018 merangkumi cadangan dan aduan dari pengguna di seluruh pusat perkhidmatan PPAS melalui saluran borang maklum balas dan juga pelbagai saluran lain.

Aduan yang diterima berjaya diberi maklumbalas dalam tempoh **14 hari bekerja**. Bagi Pustaka Raja Tun Uda, aduan tertinggi adalah berkaitan kemudahan dan perkhidmatan, manakala bagi pusat perkhidmatan perpustakaan yang lain, aduan lebih tertumpu kepada prasarana dan infra.

17 pujian dan penghargaan telah diterima daripada pelanggan perpustakaan bagi keseluruhan pusat perkhidmatan perpustakaan.



HARI BERTEMU PELANGGAN

Pada tahun 2018, Program Hari Bertemu Pelanggan telah berjaya diadakan pada **23 Jun 2018** di Pustaka Raja Tun Uda. Unit Korporat telah membuka kaunter aduan dan cadangan kepada orang awam mengemukakan komen dan usul penambahbaikan perkhidmatan di Pustaka Raja Tun Uda.

Selain itu, ianya sebagai langkah untuk mewujudkan **budaya mesra pelanggan** ke arah peningkatan imej serta memberi ruang dan peluang kepada pelanggan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang terkini disediakan untuk orang awam.



**277
LAWATAN
14,388
PELAWAT**

LAWATAN

Pustaka Raja Tun Uda telah menerima lawatan sebanyak **277 jumlah lawatan** dengan jumlah pelawat **14,388** daripada pelbagai organisasi kerajaan dan swasta, sekolah, IPTA, IPTS, dan juga organisasi antarabangsa pada tahun 2018.



**SKALA
INDEKS KEPUASAN
PELANGGAN
3.39
BAIK**

INDEKS KEPUASAN PELANGGAN

Indeks Kepuasan Pelanggan bagi keseluruhan tahun 2018 untuk pusat perkhidmatan PPAS adalah di skala **BAIK** iaitu **3.39**.

Bagi Pustaka Raja Tun Uda, Indeks kepuasan pelanggan diukur melalui atas talian manakala bagi pusat perkhidmatan perpustakaan yang lain menggunakan medium borang yang telah disediakan meliputi perkhidmatan perpustakaan, koleksi, kemudahan, prasarana dan juga kualiti perkhidmatan kakitangan.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)



WAKIL PENGURUSAN

Dari kiri :

- PUAN NORELMIN BINTI SAPUAN
Ketua Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan
- PUAN NIHAYAH BINTI HJ EBNI HAJAR
Ketua Bahagian Unit Pengurusan Kualiti
- ENCIK MOHAMED FADZLI BIN HJ MOHD FAUZI
Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan (RATU)
- ENCIK ZAINUDDIN BIN HJ TASIMAN
Ketua Bahagian Unit Korporat
- ENCIK NORKHAIRUL NIZAM BIN M. SADON
Ketua Bahagian Gerakan Membaca
- PUAN SABARIAH BINTI SAYUTI
Ketua Bahagian Unit Pembangunan Sumber Manusia
(Setiausaha)
- ENCIK ZAHIR BIN HJ YAHAYA
Ketua Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan
- PUAN HAIZIAH BINTI ABU
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
- PUAN ROSELIN BINTI A.RAZAK
Ketua Bahagian Unit Kewangan

WAKIL PEKERJA PUSTAKA RAJA TUN UDA

Dari kiri :

- ENCIK NIK AZMANI BIN TUAN HUSSIN
Pembantu Tadbir P/O N19
- ENCIK ARIF BIN ARIFIN
Pembantu Pustakawan TBK S22
- ENCIK NOOR JASMIN BIN JUMHAR @JUMHOR
Penolong Pustakawan S29
- ENCIK ABDUL FATAH BIN SHADAN @ SHAHADAN
Pembantu Awam H11
- CIK SITI MOHAIRAH BINTI YAHAYA
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA29

WAKIL PEKERJA PERKHIDMATAN DAERAH

Dari kiri :

- PUAN SUHALIA BINTI MUHAJI
Sabak Bernam-Pembantu Operasi N11
- CIK MISKIAH BINTI SARBANI
Sabak Bernam-Pembantu Pustakawan S22
- ENCIK MOHD ASRIN BIN OSMAN
Gombak-Pembantu Tadbir (P/O) N19
- EN MOHD NIZAM BIN RADZALY
Hulu Langat-Pembantu Pustakawan S19
- PUAN ZAINAB BINTI AMRON
Kuala Langat-Pembantu Pustakawan TBK S22
- ENCIK SHAHRUL HELMI BIN IBRAHIM
Hulu Langat-Pembantu Operasi N11
- ENCIK ISMAIL BIN MOHAMMED MANSOR
Kuala Selangor-Penolong Pustakawan S32



UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

JUMLAH KAKITANGAN PPAS 2018

Tetap	218
Kontrak	25
PSH	17
JUMLAH	260

JUMLAH LATIHAN BAGI TAHUN 2018

Latihan dalaman	45
Latihan luar	72
JUMLAH	117



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN 2017

26 Februari 2018, SACC Convention Centre, Shah Alam




Dari kiri :
ALLAHYARHAM ENCIK SARWANI
BIN ABDUL JALAL
Pustakawan S48
Pentadbiran dan pengurusan

ENCIK NORAZHAN BIN SAHLAN
Pustakawan S44
Pembangunan dan Penyelenggaraan

Dari kiri :
ENCIK HAFZANIZAM BIN RAZALI
Penolong Pegawai IT FA29
Teknologi Maklumat dan Pengurusan Ilmu
Pustaka Raja Tun Uda

Dari kiri :
ENCIK RUSLI BIN DURANI
Pembantu Operasi N11
Sungai Pelek, Sepang
Perpustakaan Awam Selangor
Daerah Sepang

ANUGERAH PENCAPAIAN CEMERLANG HRMIS



FASILITI PUSTAKA RAJA TUN UDA

39

40



AUDITORIUM TINGKAT 2
KAPASITI 208 PAX
KEMUDAHAN PA SISTEM
4 UNIT MIKROFON
2 UNIT ROSTRUM
1 UNIT LCD 15,000 ANSI LUMENS
1 UNIT SKRIN 16" x 16" & 20" x 20"



BILIK SEMINAR 4 TINGKAT 4
SUSUN ATUR BILIK KELAS
KAPASITI 80 PAX
KEMUDAHAN 1 UNIT MEJA PEMBENTANG
PA SISTEM 1 UNIT KERUSI PEMBENTANG
20 UNIT MEJA
2 UNIT MIKROFON
1 UNIT ROSTRUM
2 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
2 UNIT SKRIN 8" X 8"



DEWAN SERBAGUNA TINGKAT 3
KAPASITI 150 PAX / 200 PAX (MAX)
KEMUDAHAN 1 UNIT MEJA PEMBENTANG
PA SISTEM 1 UNIT KERUSI PEMBENTANG
150 UNIT KERUSI FLIP
2 UNIT MIKROFON
1 UNIT ROSTRUM
2 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
2 UNIT SKRIN 9" X 12"



BILIK SEMINAR 1 TINGKAT BAWAH SATU
KAPASITI 60 PAX
KEMUDAHAN 1 UNIT MEJA PEMBENTANG
PA SISTEM 1 UNIT KERUSI PEMBENTANG
60 UNIT KERUSI BANKUET
2 UNIT MIKROFON
1 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
SKRIN DINDING CAT



**RM90
SEJAM**

BILIK SEMINAR 2 TINGKAT 1

KAPASITI
KEMUDAHAN
PA SISTEM

- 54 PAX
- 1 UNIT MEJA PEMBENTANG
- 1 UNIT KERUSI PEMBENTANG
- 54 UNIT KERUSI BANKUET
- 18 UNIT MEJA
- 2 UNIT MIKROFON
- 1 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
- SKRIN DINDING CAT



BILIK TAKLIMAT TINGKAT BAWAH

KAPASITI
KEMUDAHAN
PA SISTEM

- 40 PAX
- 1 UNIT MEJA PEMBENTANG
- 1 UNIT KERUSI PEMBENTANG
- 40 UNIT KERUSI PEMBACA
- 2 UNIT MIKROFON
- 1 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
- SKRIN KACA

**RM70
SEJAM**



**RM75
SEJAM**

BILIK SEMINAR KACA 2 TINGKAT 4

KAPASITI
KEMUDAHAN
PA SISTEM

- 40 PAX
- 1 UNIT MEJA PEMBENTANG
- 1 UNIT KERUSI PEMBENTANG
- 40 UNIT KERUSI FLIP
- 2 UNIT MIKROFON
- 1 UNIT ROSTRUM
- 1 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
- SKRIN DINDING CAT



BILIK AKTIVITI KANAK-KANAK ZON KREATIF

KAPASITI
KEMUDAHAN
PA SISTEM

- 44 PAX
- 1 UNIT PENTAS
- 2 UNIT MIKROFON
- 1 UNIT ROSTRUM
- 1 UNIT LCD 5,000 ANSI LUMENS
- SKRIN 8" X 8"

**RM60
SEJAM**





UNIT KEWANGAN

PERUNTUKAN KEWANGAN

PERUNTUKAN
KEWANGAN
NEGERI
RM 13,138,000

TAHUN 2018
JUMLAH
PERUNTUKAN
KEWANGAN
RM 22,634,787

PERUNTUKAN
KEWANGAN
PERSEKUTUAN
RM 9,496,787

Cik Nur Zakiah Ruslim, Pn Juhana Rojuli, dan
En. Muhammad Al Hafidz bin Madzlan sedang
menganalisa tugas-tugas Bahagian Kewangan

PERPUSTAKAAN DESA JERAM

PERUNTUKAN UPEN

Peruntukan yang diluluskan
oleh UPEN pada tahun 2018 bagi
projek penaiktarafan bangunan
Perpustakaan Desa Bukit Kapar
dan Perpustakaan Desa Jeram

TAHUN 2018
JUMLAH
PERUNTUKAN
UPEN
RM 318,093

PERPUSTAKAAN DESA BUKIT KAPAR

UNIT ASET

PEROLEHAN SEBUTHARGA

Pada tahun 2018, sebanyak 32 perolehan (Sebut Harga Kerja, Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan) telah dibuka dengan nilai berjumlah **RM 2,254,428.57**



JENIS ASET
KERETA, BUGGY
PERALATAN ICT
DAN
KELENGKAPAN
PEJABAT



BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, melaksana, memantau projek pembangunan perpustakaan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia untuk bangunan perpustakaan seluruh negeri Selangor di bawah kendalian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.



UNIT PENYELENGGARAAN

Unit Penyelenggaraan bertanggungjawab menyelenggara, mengendali dan mengawalselia bangunan, fasiliti dan persekitaran perpustakaan bagi memenuhi keselesaan pengguna.

Puan Siti Yusrina binti Mohd Jainudin, Puan Hikmah binti Hassan, Encik Muhamad Sazlee bin Saharuddin, Encik Mohd Harith Fadillah bin Tamys, Encik Mohd Hisyam bin Mohd Jani dan Puan Norelmin binti Sapuan sedang menyemak pelan pembangunan projek kompleks parkir bertingkat.



PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @PJkita COMMUNITY LIBRARY KAMPUNG LINDUNGAN, PETALING JAYA



**Saiz Keluasan
3,930 kaki persegi**

Pembukaan
31 Julai 2018 (Selasa)
bersamaan 18 Syawal 1440H.

Fasiliti :
1) Kemudahan Multimedia
2) Wi Fi percuma
3) Bilik Kanak-Kanak
4) Pendingin Hawa
5) Bilik Perbincangan

6) Dewan Seminar
7) Bilik Penyusuan (Bilik Laktasi)
8) Wayang Pacak
9) Gelanggang
10)Kebun Komuniti
11)Pusat Kitar Semula


PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR BUKIT KAPAR



**Saiz Keluasan
1,140 kaki persegi**

Pembukaan
22 April 2018
bersamaan 16 Syaaban 1440H


Fasiliti
1) Kemudahan Multimedia
2) Wi Fi Percuma
3) Bilik Solat
4) Bilik Kanak-Kanak
5) Pendingin Hawa



**Saiz Keluasan
4,004 kaki persegi**

Pembukaan
7 Oktober 2018 (Ahad)
bersamaan 27 Muharam 1440H

PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ THE SCHOOL JAYA ONE



Fasiliti
1) Kemudahan Multimedia
2) Wi Fi Percuma
3) Bilik Kanak-Kanak

4) Pendingin Hawa
5) Kafeteria
6) Bilik Seminar



**Saiz Keluasan
Sebelum ubahsuai :
1,650 kaki persegi**
**Selepas ubahsuai :
2,140 kaki persegi**

Pembukaan
16 April 2018
bersamaan 10 Syaaban 1440H

Fasiliti
1) Kemudahan Multimedia
2) Wi Fi Percuma
3) Bilik Solat
4) Bilik Kanak-Kanak
5) Pendingin Hawa

PEMBANGUNAN KOLEKSI

PERUNTUKAN
PEMBELIAN
KOLEKSI
RM3,798,000

PEMBELIAN
BUKU
**133,445
NASKHAH**

Puan Nora Adnan sedang
melakukan tugas mencetak
kod bar.

PEMBELIAN
BAHAN PANDANG
DENGAR
**97
UNIT**



BUKU SUMBANGAN TAHUN 2018

JUMLAH
SUMBANGAN
**8,294
NASKHAH**

SENARAI PENYUMBANG

- 1) Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
- 2) Y.A.M Tengku Datin Paduka Setia Zatashah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
- 3) Management & Science University (MSU)
- 4) Lembaga Zakat Selangor
- 5) Pejabat Menteri Besar
- 6) Pejabat Dewan Undangan Negeri
- 7) Forest Research Institute Malaysia (FRIM)
- 8) Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)




SELECTED & DONATED BY H.R.H. SULTAN IDRIS SHAH ALHAJ

LEGO &
EDUCATIONAL
TOYS
**999
UNIT**



AKTIVITI PEMILIHAN BAHAN



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Perkhidmatan perpustakaan bertanggungjawab memenuhi kepuasan dan kehendak pelanggan, memberi perkhidmatan dengan mesra dan efektif serta menyampaikan maklumat yang terkini dan pantas kepada pengguna.

Di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ialah transaksi bahan perpustakaan (peminjaman, pemulangan, pembaharuan), pinjaman antara perpustakaan, pendaftaran keahlian perpustakaan, perkhidmatan kaunter informasi dan perkhidmatan pencarian bahan perpustakaan.



Puan Neti Dahlia binti Othman sedang melakukan penyusunan majalah dan semakan bacaan rak sebelum perkhidmatan dibuka kepada pelanggan.



PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN



Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan bertanggungjawab menyelia perkhidmatan Perpustakaan Daerah, Cawangan, Pekan, Komuniti, Desa, Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di seluruh negeri Selangor.

Pada tahun 2018, Bahagian Perkhidmatan Rangkaian telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program untuk memastikan seluruh rakyat di negeri Selangor mendapat manfaat dari kemudahan yang disediakan oleh PPAS.



TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUSAN ILMU



Bahagian Teknologi Maklumat dan Pengurusan Ilmu merupakan bahagian yang berfungsi untuk mewujudkan keupayaan kreatif dalam pelbagai teknologi baru dan menjadikan PPAS sebagai Organisasi Berpembelajaran (*Learning Organisation*) serta menyediakan dan menyebarkan ilmu di persekitaran PPAS dan masyarakat luar dalam format dan bentuk yang sesuai mengikut keperluan.



KELAS ASAS ROBOTIK @ PPAS
100 PESERTA

Bahagian Teknologi Maklumat telah menjalankan *Kelas Asas Robotik@PPAS* yang merupakan kelas pengenalan kepada dunia Robotik di mana peserta akan belajar mengenai komponen-komponen robotik, cara pemasangan dan asas pengaturcaraan (*programming*). Di PPAS kami menggunakan produk RoboRobo sebagai bahan pembelajaran. Sepanjang cuti sekolah pada bulan November dan Disember 2018, seramai 100 peserta telah mengikuti kelas robotik ini.



GERAKAN MEMBACA

Bahagian Gerakan Membaca merupakan satu unit yang menyelaras dan mengerakkan budaya membaca di peringkat negeri bermula dengan pelbagai aktiviti dari seawal usia bayi sehingga kepada warga emas.

Bahagian Gerakan Membaca sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi sama ada di peringkat pusat mahupun negeri serta sebagai penghubung antara pemimpin dan masyarakat.


PROGRAM GERAKAN MEMBACA 2018
1,684,989 PENGLIBATAN



PENCAPAIAN STATISTIK



PENGUNJUNG PUSTAKA RAJA TUN UDA 2011 - 2018



Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam mula beroperasi pada 22 Julai 2011.

Cik Laily Hafidzun binti Shukri sedang melakukan penyusunan buku dan semakan rak sebelum perkhidmatan dibuka kepada pelanggan



KEAHLIAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR 2018



PINJAMAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR 2018



PERKHIDMATAN “EDUTAINMENT”
PUSTAKA RAJA TUN UDA



PERKHIDMATAN i - STATION



PERKHIDMATAN #SMART MOBILE LIBRARY



PERKHIDMATAN GIMNASIUM PUSTAKA RAJA TUN UDA



KOLEKSI PERIBADI DYMM SULTAN SELANGOR



LAWATAN PUSTAKA RAJA TUN UDA



**SELECTED & DONATED
BY H.R.H. SULTAN IDRIS SHALIM**

PERKHIDMATAN MULTIMEDIA



PENDIGITALAN
60
BUAH BUKU

JUMLAH
PENDIGITALAN
13,608
MUKASURAT

PERKHIDMATAN
DAERAH
122,489
PENGUNAAN

JUMLAH
PENGUNAAN
142,010

PUSTAKA
RAJA TUN UDA
19,521
PENGUNAAN

PERKHIDMATAN BUGGY PUSTAKA RAJA TUN UDA



PENGUNAAN
TAHUN 2018
77,039
PENGGUNA

PENGUNAAN
TAHUN 2014 - 2018
249,423
PENGGUNA

AKTIVITI GALAKAN MEMBACA 2018/ GERAKAN MEMBACA



KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN (KESUKA)

75

AHLI JAWATANKUASA (AJK) BAGI SESI 2017 – 2019



PENGURUSI
Encik Norazhan bin Sahlan

Dari kiri:
NAIB PENGURUSI
Encik Zahir bin Yahaya
SETIAUSAHA
Puan Nazaleeza binti Hassan
PENOLONG SETIAUSAHA
Puan Haiziah binti Abu
BENDAHARI
Puan Norhayati binti Hassan

Dari kiri:
AJK
Encik Mohamed Fadzli
bin Mohd Fauzi
AJK
Puan Norelmin binti Sapuan
AJK
Puan Norafidah binti
Muhammad Wirsat
AJK
Cik Siti Mohairah binti Yahaya

Dari kiri:
AJK
Encik Arif bin Arifin
AJK
Encik Meor Muhammad Fawaaz
bin Meor Latip
AJK
Encik Abdul Fatah
bin Shadan@Shahadan

Dari kiri:
PEMERIKSA KIRA-KIRA
Puan Nor Chempawan binti Mat Abu
PEMERIKSA KIRA-KIRA
Puan Nurul Huda binti Atan



NAMA KAKITANGAN

● Encik Zahir bin Yahaya
● Puan Mariati binti Husin
● Encik Sallahuddin bin Mohamad

● Anak-anak kakitangan

● Encik Jalani bin Mustafa
● Encik Mohd Hisyam bin Mohd Jani

● Kakitangan dan keluarga
kakitangan

● Semua kakitangan

PERKARA

Majlis bacaan yasin dan doa selamat untuk keberangkatan kakitangan menunaikan ibadah haji

Majlis doa selamat dan sumbangan kepada yang menghadapi peperiksaan UPSR, PT3 & SPM , STPM

KESUKA juga turut menyumbangkan sumbangan khas

KESUKA juga telah menyumbangkan sumbangan kebajikan seperti masuk wad, kelahiran, kematian (kakitangan dan keluarga kakitangan) sumbangan anak-anak kakitangan yang cemerlang dalam peperiksaan, dan jamuan makan untuk majlis bacaan yasin

Biro Agama juga menjalankan aktiviti mingguan seperti bacaan yasin dan kelas pengajian agama di surau utama tingkat LG

TARIKH

16 Julai 2018

19 September 2018

BELASUNGKAWA



*Allahyarham
Encik Sarwani bin Abd. Jalal*

Tempoh: **21 tahun**

Kerjaya: **01/01/1997-28/01/2018**

01/01/1997 : Penolong Pustakawan (S27)

01/02/2001 : Pustakawan (S41)

15/06/2012 : Pustakawan (S44)

02/01/2017 : Pustakawan (S48)

Bahagian: **Perkhidmatan Daerah Zon 1 & Zon 2**

Rujukan & Penyelidikan

Pentadbiran dan Pengurusan

Sumbangan: **Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan PPAS (KESUKA) : 2003-2009**

Al fatihah



BELASUNGKAWA

Al fatihah & Salam Takziah



TAMIL SELVAM

Tarikh Lahir – Tarikh Meninggal Dunia **9/5/1959 – 7/3/2012**

Tempoh Perkhidmatan **2/1/1992 – 2012 (20 tahun)**

Kerjaya **Pembantu Am Rendah**

Perkhidmatan Terakhir **Perpustakaan Cawangan Kajang**



MAZLIN BINTI ZAHAR

Tarikh Lahir – Tarikh Meninggal Dunia **31 Julai 1980 – 6 Ogos 2013**

Tempoh Perkhidmatan **1/8/2003 – 2013 (10 Tahun)**

Kerjaya **Pembantu Perpustakaan**

Perkhidmatan Terakhir **Perpustakaan Daerah Gombak**



NASARUDDIN BIN RASUL

Tarikh Lahir – Tarikh Meninggal Dunia **10/10/1965 – 15/12/2013**

Tempoh Perkhidmatan **15/3/1983 – 2013 (30 Tahun)**

Kerjaya **Pembantu Am Rendah**

Perkhidmatan Terakhir **Perpustakaan Cawangan Rawang**

FAIYAZ AHMAD BIN YUSUFF BAHARUDIN

Tarikh Lahir – Tarikh Meninggal Dunia **15 Januari 1981 – 3 Disember 2015**

Tempoh Perkhidmatan **2009 – 2015 (6 Tahun)**

Kerjaya **Pengawal keselamatan (KP 11)**

Perkhidmatan Terakhir **Perpustakaan Komuniti Sg. Udang**



SALMAH BINTI OSMAN


**PERPUSTAKAAN DESA KEMENSAH (PNM)**  
Sekolah KAFA Integrasi Kemensah,  
Ulu Klang 68000 Ampang, Selangor

#### **DAERAH HULU LANGAT**

**PERPUSTAKAAN DAERAH HULU LANGAT**  
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.  
Telefon: 03-89266255

**PERPUSTAKAAN CAWANGAN KAJANG**  
No 13-2, Jalan Metro Avenue 1,  
Metro Avenue, 43000 Kajang.  
Telefon: 03-87360353

#### **DAERAH KUALA SELANGOR**

**PERPUSTAKAAN DAERAH KUALA SELANGOR**  
Tingkat 2 & 3, Kompleks PKNS,  
Kuala Selangor, Persiaran Perusahaan 1,

**PERPUSTAKAAN DESA BATU 14**  
Pekan Batu 14, 43100  
Hulu Langat, Selangor  
Telefon: 03-90215568

**PERPUSTAKAAN DESA BERANANG**  
Kompleks Penghulu Mukim Beranang, 43100 Hulu Langat,  
Selangor

*\*Perpustakaan ditutup pada Ogos 2017 untuk projek menaiktaraf bangunan*

**PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG MELAYU AMPANG**  
Dewan Dato' Tahir Karim,  
Kampung Melayu Ampang,  
68000 Ampang, Selangor

**PERPUSTAKAAN DESA LEMBAH JAYA**

Masjid Kampung Lembah Jaya,  
Kampung Lembah Jaya,  
68000 Ampang, Selangor.  
Telefon: 03-42918842

**PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG PANDAN**

Dewan Dato' Haji Mad Aris,  
Jalan H, Kampung Pandan Dalam,  
55100 Kuala Lumpur  
*\*Perpustakaan ditutup pada Julai 2017 untuk projek menaiktaraf bangunan*

**PERPUSTAKAAN DESA CHERAS BARU**  
D/A Masjid Nur Sa'adah, Kampung Cheras Baru, 56100 Cheras Baru, Cheras, Kuala Lumpur

*\*Perpustakaan ditutup pada Oktober 2017 kerana diambil alih oleh pentadbiran masjid*

#### **PERPUSTAKAAN KOMUNITI**

**PANDAN JAYA**  
Jalan Pandan 4, Pandan Jaya,  
68000 Ampang, Selangor

#### **PERPUSTAKAAN KOMUNITI**

**AMPANG WATERFRONT**  
Jalan AWFS, Ampang Waterfront,  
68000 Ampang, Selangor.  
Telefon: 03-42919997

*\*Perpustakaan ditutup pada Mac 2018 diambil alik syarikat lebuhraya untuk projek pembangunan lebuhraya*

#### **PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR-TAMAN MAWAR, CHERAS**

Taman Mawar, Cheras  
No 1. Jalan Bunga Cempaka 5A ,  
56100 Ampang Kuala Lumpur.  
Telefon: 019-3236335

#### **PERPUSTAKAAN DESA DESA MAHKOTA (PNM)**

Balai Raya Desa Mahkota, Kampung Sungai Kembong Hilir,  
43000 Kajang, Selangor.  
Telefon: 03-87360353

#### **DAERAH KUALA SELANGOR**

**PERPUSTAKAAN DAERAH KUALA SELANGOR**  
Tingkat 2 & 3, Kompleks PKNS,

Kuala Selangor, Persiaran Perusahaan 1,  
45000 Kuala Selangor, Selangor.  
Telefon: 03-32898219

#### **PERPUSTAKAAN CAWANGAN TANJONG KARANG**

Tingkat 2, Wisma PPAS,  
45500 Tanjung Karang, Selangor.  
Telefon: 03-32697034

*\*Perpustakaan ditutup pada September 2017 untuk projek menaiktaraf bangunan*

#### **PERPUSTAKAAN PEKAN BESTARI JAYA**

No. 31A, Jalan Berjuntai 3,  
Pusat Perniagaan Batang Berjuntai,

45600 Kuala Selangor, Selangor.  
Telefon: 03-32716412

#### **PERPUSTAKAAN DESA IJOK**

Kampung Batu 8, Ijok, 45600 Batang Berjuntai, Kuala Selangor, Selangor.  
Telefon: 03-32793552

*\*Perpustakaan ditutup pada Julai 2017 untuk projek menaiktaraf bangunan*

#### **PERPUSTAKAAN DESA SRI TIRAM JAYA**

Kampung Sri Tiram Jaya, 45500 Tanjung Karang, Selangor.

**PERPUSTAKAAN DESA PARIT MAHANG SRI PERANTAU**  
L-G-2, Blok L, Pangapuri Sri Perantau,

42000 Pelabuhan Klang, Selangor.  
Telefon: 03-32641102

**PERPUSTAKAAN DESA SRI TIRAM JAYA**  
Kampung Sri Tiram Jaya, 45500 Tanjung Karang, Selangor.

**PERPUSTAKAAN DESA PARIT MAHANG**  
Kampung Parit Mahang, 45800 Jeram, Kuala Selangor, Selangor.  
Telefon: 03-32641102

**PERPUSTAKAAN DESA BUKIT BADONG**  
Kampung Bukit Badong, 45600 Batang Berjuntai, Kuala Selangor, Selangor.

Telefon: 03-32792597

**PERPUSTAKAAN DESA JERAM**  
Batu 19, 45800 Jeram, Kuala Selangor, Selangor. Telefon: 03-32640098

*\*Perpustakaan ditutup pada Julai 2018 untuk projek menaiktaraf bangunan*

**PERPUSTAKAAN DESA SUNGAI GULANG-GULANG**  
Kampung Sungai Gulang-Gulang, 45500 Tanjung Karang, Selangor

\*Perpustakaan ditutup pada Julai 2017 untuk projek menaiktaraf bangunan

**PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG ASSAM JAWA (PNM)**  
Balai Raya Kampung Assam Jawa, 45500 Bukit Rotan, Selangor

**PERPUSTAKAAN DESA ESTET TUNKU ABD. RAHMAN (PNM)**  
Perumahan Ladang Tan Sri Manikavasagam, Jalan Raja Musa, 45600 Kuala Selangor, Selangor

**PERPUSTAKAAN DESA BANDAR PUNCAK ALAM (PNM)**  
PT 1562, Fasa 1D, Bandar Baru Puncak Alam, Mukim Ijok 45600 Kuala Selangor, Selangor.

Telefon: 03-33922334

**PERPUSTAKAAN DESA SUNGAI SIREH (PNM)**  
Lorong 8 ½ , Parit Satu ban 2, Kg. Sungai Sireh, 45500 Tanjung Karang.

Telefon: 011-29104815

#### **DAERAH KLANG**

**PERPUSTAKAAN DAERAH KLANG**  
Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor

Telefon: 03-33719429

**PERPUSTAKAAN CAWANGAN PELABUHAN KLANG**  
Jalan Pekeling, Seksyen 7, Bandar Pelabuhan Klang, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor.

Telefon: 03-31667846

**PERPUSTAKAAN DESA MERU**  
Dewan Serbaguna Meru, Pekan Meru, 41050 Klang, Selangor.

Telefon: 03-33920294

**PERPUSTAKAAN DESA PULAU INDAH**  
Kampung Sg. Pinang, 42920 Pelabuhan Klang, Selangor

**PERPUSTAKAAN DESA BUKIT KAPAR TAMAN SRI CERAKAH**  
Bukit Kapar Timur, 42000 Kapar, Selangor.

Telefon: 03-33920924

*\*Perpustakaan ditutup pada Julai 2017 untuk projek menaiktaraf bangunan*

**PERPUSTAKAAN DESA SRI TIRAM JAYA**  
Kampung Sri Tiram Jaya, 45500 Tanjung Karang, Selangor.

*\*Perpustakaan ditutup pada Ogos 2018 untuk projek menaiktaraf bangunan*

**PERPUSTAKAAN KOMUNITI SRI PERANTAU**  
L-G-2, Blok L, Pangapuri Sri Perantau,

42000 Pelabuhan Klang, Selangor.

Telefon: 03-31653549

**PERPUSTAKAAN KOMUNITI SG. UDANG**  
Lorong Telok Gadong 2, Off jalan Sg Bertik, Taman Emas, Kg. Sungai Udang, 41250 Klang. Telefon: 03-33701849

**PERPUSTAKAAN DESA BUKIT KERAYONG (PNM)**  
Kg. Bukit Kerayong 42200 Kapar, Klang, Selangor. Telefon: 018-2711613

#### **DAERAH PETALING**

**PERPUSTAKAAN PEKAN SRI MANJA**  
No. 15, Jalan PJS 3/32, Taman Sri Manja, Batu 6 ½, Off Jalan Klang Lama, 461550 Petaling Jaya. Tel : 03-77788888

**PERPUSTAKAAN DESA KUBU GAJAH**  
Kampung Kubu Gajah, 47000 Sg. Buloh, Petaling, Selangor. Telefon: 03-60383644

**PERPUSTAKAAN DESA KUANG**  
Batu 18, Kuang, 48050 Rawang, Selangor. Telefon: 03-60372359

**PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG SUNGAI PELONG**  
Kampung Sungai Pelong, 47200 Sungai Buloh, Kepong, Selangor. Telefon: 03-60381581


**PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ PJKITA COMMUNITY LIBRARY**  
Lot 62231, Jalan PJS 6/3B, Kampung Lindungan, 46150 Petaling Jaya, Selangor. Telefon: 013-2796802

**PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ THE SCHOOL JAYA ONE**  
Ground floor @ The School Blok J, Jaya One, No. 72A, Jalan Universiti, PJS 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor. Telefon: 03 - 79317570

#### **DAERAH SEPANG**

# PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

95



96



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968 [Warta Kerajaan No. 7, 1975 dan No. 29, 2011 (pindaan)].

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968 [Warta Kerajaan No. 7, 1975 dan No. 29, 2011 (pindaan)]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor memberi gambaran yang saksama.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968 [Warta Kerajaan No. 7, 1975 dan No. 29, 2011 (pindaan)], saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.

### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

  
**(ABD GHANI BIN SULAIMAN)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

SHAH ALAM  
16 OKTOBER 2019



### PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

#### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN

Saya, **MASTURA BINTI HJ MUHAMAD NO. KAD PENGENALAN: 661129-11-5094**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta Nota – Nota di dalamnya bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya )  
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas )  
**MASTURA BINTI HJ MUHAMAD** )  
Di SHAH ALAM, SELANGOR )  
Pada 11 OCT 2019 )

Di hadapan saya,



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR  
PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

PENYATA OLEH PENGERUSI

Saya, **AMIRUDIN BIN SHARI**, Ahli Lembaga Pengarah **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai serta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR** pada 31hb Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



.....  
**AMIRUDIN BIN SHARI**  
Pengerusi  
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Shah Alam

Tarikh : 11 OCT 2019

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR  
PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

PENYATA OLEH AHLI LEMBAGA PENGARAH

Saya, **MOHD KHAIRUL ANAM BIN CHE MENTRI**, Ahli Lembaga Pengarah **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai serta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR** pada 31hb Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



.....  
**MOHD KHAIRUL ANAM BIN CHE MENTRI**  
Timbalan Pengerusi  
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Shah Alam

Tarikh : 11 OCT 2019

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGORPENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

|                                 | NOTA | 2018<br>RM        | Dinyatakan<br>semula<br>2017<br>RM |
|---------------------------------|------|-------------------|------------------------------------|
| <b>ASET BUKAN SEMASA</b>        |      |                   |                                    |
| Hartanah, loji dan peralatan    | 4    | 84,701,828        | 86,700,954                         |
| Pinjaman kenderaan dan komputer | 5    | 55,055            | 20,382                             |
| Pelaburan dalam Unit Amanah     |      | 1,240             | 1,180                              |
|                                 |      | <b>84,758,123</b> | <b>86,722,516</b>                  |

|                                             | NOTA | 2018<br>RM        | 2017<br>RM         |
|---------------------------------------------|------|-------------------|--------------------|
| <b>ASET SEMASA</b>                          |      |                   |                    |
| Pelbagai penerimaan, deposit dan prabayar   | 6    | 355,086           | 198,041            |
| Pinjaman kenderaan dan komputer             | 5    | 30,783            | 37,167             |
| Simpanan tetap, wang tunai dan baki di bank | 7    | 14,201,376        | 15,951,606         |
|                                             |      | <b>14,587,245</b> | <b>16,186,814</b>  |
|                                             |      | <b>99,345,368</b> | <b>102,909,330</b> |

**DIBIAYAI OLEH**

|                                          |            |            |
|------------------------------------------|------------|------------|
| Kumpulan Wang Terkumpul pada 31 Disember | 84,116,243 | 85,678,953 |
|------------------------------------------|------------|------------|

**LIABILITI BUKAN SEMASA**

|                               |    |                   |                   |
|-------------------------------|----|-------------------|-------------------|
| Pendapatan tertunda           | 8  | 12,489,546        | 14,829,043        |
| Peruntukan Gantian Cuti Rehat | 11 | 1,168,648         | 1,108,549         |
|                               |    | <b>13,658,194</b> | <b>15,937,592</b> |

**LIABILITI SEMASA**

|                                          |    |                   |                    |
|------------------------------------------|----|-------------------|--------------------|
| Pelbagai belum bayar, deposit dan akruan | 12 | 1,517,491         | 1,286,715          |
| Peruntukan Gantian Cuti Rehat            | 11 | 53,440            | 6,070              |
|                                          |    | <b>1,570,931</b>  | <b>1,292,785</b>   |
|                                          |    | <b>99,345,368</b> | <b>102,909,330</b> |

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGORPENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

|                                                                                 | NOTA | 2018<br>RM   | Dinyatakan<br>semula<br>2017<br>RM |
|---------------------------------------------------------------------------------|------|--------------|------------------------------------|
| Pendapatan - Caruman                                                            | 13   | 22,757,987   | 20,847,928                         |
| Pendapatan Lain                                                                 | 14   | 8,332,667    | 17,703,239                         |
| Perbelanjaan Kakitangan                                                         | 15   | (10,784,200) | (11,036,905)                       |
| Perbelanjaan Mengurus                                                           | 16   | (21,869,164) | (16,093,257)                       |
| (Kerugian)/Keuntungan tahun semasa                                              |      | (1,562,710)  | 11,421,005                         |
| Cukai                                                                           | 17   | -            | -                                  |
| (Kerugian)/Keuntungan selepas cukai,<br>mewakili Jumlah Pendapatan Komprehensif |      | (1,562,710)  | 11,421,005                         |

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR****PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG TERKUMPUL  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

|                                                        | Nota | RM                |
|--------------------------------------------------------|------|-------------------|
| Pada 1 Januari 2017                                    |      |                   |
| - Seperti dilaporkan sebelum ini                       | 21   | 8,761,999         |
| - Kesan pelarasan tahun sebelumnya                     |      | 65,495,949        |
| - Seperti yang dinyatakan semula                       |      | <u>74,257,948</u> |
| Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun semasa      |      |                   |
| - Keuntungan tahun semasa (Dinyatakan semula)          |      | <u>11,421,005</u> |
| Baki 31 Disember 2017 - seperti yang dinyatakan semula |      | 85,678,953        |
| Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun semasa      |      |                   |
| - Kerugian tahun semasa                                |      | (1,562,710)       |
| Baki 31 Disember 2018                                  |      | <u>84,116,243</u> |

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR****PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

|                                                        | 2018<br>RM         | 2017<br>RM         |
|--------------------------------------------------------|--------------------|--------------------|
| <b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>              |                    |                    |
| Peruntukan Kerajaan                                    | 22,757,987         | 20,847,928         |
| Tunai diterima dari pelanggan                          | 1,110,593          | 1,361,429          |
| Tunai dibayar kepada pembekal dan pekerja              | (24,464,019)       | (22,078,529)       |
| Tunai (diguna)/diterima dari kegiatan operasi          | (595,439)          | 130,828            |
| Lain-lain terimaan                                     |                    |                    |
| - Faedah bank                                          | 715,772            | 598,165            |
| - Penerimaan lain-lain                                 | 891,245            | 518,599            |
| Tunai bersih diterima dari kegiatan operasi            | <u>1,011,578</u>   | <u>1,247,592</u>   |
| <b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>            |                    |                    |
| Belian hartaanah, loji dan peralatan                   | (5,430,464)        | (5,936,190)        |
| Terimaan daripada jualan hartaanah, loji dan peralatan | 14,599             | -                  |
| Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan        | <u>(5,415,865)</u> | <u>(5,936,190)</u> |
| <b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>           |                    |                    |
| Peruntukan Kerajaan untuk Aktiviti Pembangunan         | 904,057            | 4,884,036          |
| Geran dari Kerajaan Negeri Selangor                    | 1,750,000          | 1,103,300          |
| untuk Buku Audio Selangor                              |                    |                    |
| Dana daripada Lembaga Perumahan dan                    | -                  | 105,127            |
| Hartaanah Selangor                                     |                    |                    |
|                                                        | <u>2,654,057</u>   | <u>6,092,463</u>   |
| (Kurangan)/Tambah dalam tunai dan setara tunai         | (1,750,230)        | 1,403,865          |
| Tunai dan setara tunai pada awal tahun                 | <u>15,951,606</u>  | <u>14,547,741</u>  |
| Tunai dan setara tunai pada akhir tahun                | <u>14,201,376</u>  | <u>15,951,606</u>  |
| <b>TUNAI DAN SETARA TUNAI TERDIRI DARI:</b>            |                    |                    |
| Wang tunai di tangan                                   | 2,903              | 3,235              |
| Baki di Bank                                           | 3,862,276          | 2,896,056          |
| Simpanan Tetap dengan Bank Berlesen                    | <u>10,336,197</u>  | <u>13,052,315</u>  |
|                                                        | <u>14,201,376</u>  | <u>15,951,606</u>  |

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Perbadanan adalah menubuhkan, mengurus dan menyelenggara Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan perpustakaan-perpustakaan di daerah.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No.5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No.29, 2011 (pindaan).

Pejabat berdaftar dan pentadbiran terletak di Pustaka Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Penyata kewangan PPAS dibentangkan di dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan merupakan matawang fungsian PPAS.

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah disediakan dibawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya didalam nota ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan di Malaysia serta peraturan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan penting yang digunakan oleh PPAS dibawah adalah konsisten dengan dasar-dasar yang digunakan pada tahun kewangan terdahulu kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

#### 3.1 Hartanah,Loji dan Peralatan

Hartanah,Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai.

Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas kerana ia mempunyai hayat infiniti. Tanah pegangan pajak dilunaskan dalam amaun ansuran sama rata sepanjang tempoh pemegangan pajakan yang berkenaan.

Bagi kesemua harta, loji dan peralatan lain, susutnilai dikira menurut kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangkamasa hayat berguna harta,loji dan peralatan.

Nilai sisa dan jangka hayat kegunaan aset dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, jika bersesuaian, bilamana jangkaan berbeza daripada anggaran sebelum ini. Kerugian rosotnilai harta, loji dan peralatan dikaji menurut dasar-dasar perakaunan terhadap kemerosotan nilai aset bukan kewangan seperti dibentangkan dalam Nota 3.2.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.1 Hartanah,Loji dan Peralatan (sambungan)

Sesuatu butiran harta, loji dan peralatan dinyahiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

Modal kerja dalam kemajuan adalah dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Sebaik selesai, modal kerja dalam kemajuan dipindahkan kepada kategori harta, loji dan peralatan bergantung kepada jenis aset. Susutnilai ke atas harta, loji dan peralatan yang masih dalam pembinaan bermula apabila harta, loji dan peralatan sedia untuk digunakan.

Kadar susutnilai utama tahunan seperti berikut:-

|                       |          |
|-----------------------|----------|
| Tanah Pajakan         | 96 Tahun |
| Bangunan Perpustakaan | 2%       |
| Kenderaan dan Jentera | 20%      |
| Kelengkapan Pejabat   | 20%      |
| Buku                  | 25%      |
| Komputer              | 25%      |
| Lif/Eskalator         | 10%      |
| E-Pustaka Multimedia  | 20%      |
| XD/6D Teater          | 20%      |

Bermula pada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018, Buku yang bernilai kurang daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) tidak lagi dicatatkan sebagai aset dan dianggap sebagai sebahagian daripada Perbelanjaan Mengurus.

Oleh yang demikian, semua pembelian buku pada tahun semasa yang berharga RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) setiap satu, dicatatkan sebagai Perbelanjaan Mengurus. Manakala buku-buku yang bernilai bawah RM500.00 dan dibeli sebelum tahun 2017, akan dihapuskira sebagai sebahagian daripada Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2018.

#### 3.2 Kemerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan

Nilai dibawa bagi aset bukan kewangan dikaji semula untuk kemerosotan nilai pada akhir setiap tempoh laporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penurunan nilai. Jika sebarang petunjuk sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset hendaklah dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosotnilai.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.2 Kemerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset atau unit penjanaan tunai ("CGU") melebihi amaun boleh pulih aset tersebut. CGU adalah aset kumpulan terkecil yang menghasilkan aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran tunai daripada aset atau kumpulan aset lain.

Amaun boleh pulih aset atau CGU adalah nilai lebih tinggi antara nilai saksama ditolak kos pelupusan dan nilai sedang digunakan. Dalam menaksir nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan pentaksiran pasaran semasa nilai wang dan risiko khusus kepada aset.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia berlaku.

Kerugian kemerosotan nilai bagi asset ditarik balik sekiranya, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Amaun dibawa sesuatu aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih disemak semula, dengan syarat amaun ini tidak melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan (selepas pelunasan atau susutnilai) tanpa sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Penarikbalikan kerugian rosotnilai aset diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### 3.3 Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai merangkumi tunai dalam tangan dan baki di bank manakala bersamaan tunai adalah terdiri daripada simpanan mudah cair jangka pendek yang sedia ditunaikan dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

#### 3.4 Instrumen Kewangan

##### a) Pengiktirafan awal dan pengukuran

PPAS mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, PPAS menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)

##### a) Pengiktirafan awal dan pengukuran (sambungan)

Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan (termasuk pelbagai penerimaan) dan liabiliti kewangan (termasuk pelbagai belum bayar) diukur pada nilai saksama, yang pada amnya adalah harga transaksi, ditambah dengan kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi dibelanjakan untuk keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

##### b) Pengukuran seterusnya bagi aset kewangan

Bagi tujuan pengukuran seterusnya, PPAS mengklasifikasikan aset kewangan kepada tiga kategori, iaitu: (i) aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian; (ii) aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan; dan (iii) aset kewangan yang instrumen ekuiti diukur pada kos tolak rosot nilai.

Selepas pengiktirafan awal, PPAS mengukur pelaburan dalam saham keutamaan, saham biasa dan derivatif yang merupakan aset pada nilai saksama mereka dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika dilihat atau sebaliknya oleh teknik penilaian, tanpa sebarang potongan untuk kos urus niaga yang mungkin dikenakan jualan atau pelupusan lain.

Instrumen hutang kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak rosot nilai.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, semua aset kewangan lain adalah tertakluk untuk semakan semula nilai rosot nilai mengikut Nota 3.4(g).

##### c) Pengukuran seterusnya bagi liabiliti kewangan

Selepas pengiktirafan awal, PPAS mengukur semua liabiliti kewangan pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan, kecuali instrumen derivatif liabiliti, yang diukur pada nilai saksama.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)**

**d) Penyahiktirafan instrumen kewangan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau apabila PPAS memindahkan hak kontraktual untuk menerima aliran tunai aset kewangan, termasuk keadaan apabila PPAS hanya bertindak sebagai ejen pengutip penerima pindahan, dan tidak memperoleh sebarang risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan atau penglibatan berterusan dalam mengawal aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dimansuhkan secara sah, sama ada apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Pengubhsuaian substansial mengenai syarat-syarat liabiliti kewangan yang sedia ada diambilkira sebagai pembatalan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru.

**e) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan**

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan dengan ketiadaan harga pasaran yang boleh dilihat, dengan teknik penilaian seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.9.

**f) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian**

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dikelaskan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila ia timbul.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos pelunasan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak dinyahiktiraf, dan melalui proses pelunasan instrumen tersebut.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)**

**g) Kemerosotan nilai aset kewangan**

Jumlah kerugian kemerosotan nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan, iaitu, kadar efektif yang dihitung pada pengiktirafan awal. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui akaun peruntukan. Jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah kerugian kemerosotan nilai yang berkaitan dengan aset kewangan yang dibawa pada kos diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dengan anggaran terbaik amaun (yang mungkin sifar) yang akan diterima oleh PPAS untuk aset jika ia untuk dijual pada tarikh pelaporan.

Sekiranya dalam tempoh yang berikutnya amaun kerugian kemerosotan nilai ke atas aset kewangan berkurangan dan penurunan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, kerugian penurunan nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan dengan melaraskan akaun peruntukan setakat yang membawa amaun aset kewangan tidak melebihi kos pelunasannya jika rosotnilai tidak diiktiraf pada tarikh rosotnilai dibalikkan. Jumlah penarikbalikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

**3.5 Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan merangkumi geran dan caruman yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor serta Kerajaan Persekutuan. Pendapatan sewa dan faedah ditentukan atas dasar akruan.

**3.6 Percukaian**

PPAS mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana berkuatkuasa dari tahun 2014, semua jenis pendapatan dikecualikan cukai berdasarkan Perenggan 13 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)

##### g) Kemerosotan nilai aset kewangan

Jumlah kerugian kemerosotan nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan, iaitu, kadar efektif yang dihitung pada pengiktirafan awal. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui akaun peruntukan. Jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah kerugian kemerosotan nilai yang berkaitan dengan aset kewangan yang dibawa pada kos diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dengan anggaran terbaik amaun (yang mungkin sifar) yang akan diterima oleh PPAS untuk aset jika ia untuk dijual pada tarikh pelaporan.

Sekiranya dalam tempoh yang berikutnya amaun kerugian kemerosotan nilai ke atas aset kewangan berkurangan dan penurunan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, kerugian penurunan nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan dengan melaraskan akaun peruntukan setakat yang membawa amaun aset kewangan tidak melebihi kos pelunasannya jika rosotnilai tidak diiktiraf pada tarikh rosotnilai dibalikkan. Jumlah penarikbalikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### 3.5 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan merangkumi geran dan caruman yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor serta Kerajaan Persekutuan. Pendapatan sewa dan faedah ditentukan atas dasar akruan.

#### 3.6 Percukaian

PPAS mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana berkuatkuasa dari tahun 2014, semua jenis pendapatan dikecualikan cukai berdasarkan Perenggan 13 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.7 Ganjaran Kakitangan

##### a) Ganjaran jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan syarikat. Ketidakhadiran berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diambilkira apabila khidmat yang diberikan oleh kakitangan meningkatkan kelayakan mereka kepada ketidakhadiran berganjaran akan datang. Ketidakhadiran berganjaran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit, adalah diambilkira apabila ketidakhadiran tersebut terjadi.

##### b) Pelan caruman wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim penceh negeri, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan komprehensif di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya.

#### 3.8 Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang diterima tidak mempunyai syarat-syarat tertentu diiktiraf sebagai pendapatan caruman pada masa ianya diterima.

Geran kerajaan yang diterima mempunyai syarat-syarat yang perlu dipenuhi diiktiraf sebagai geran tertunda dan akan direalisasikan sebagai pendapatan setelah syarat-syarat tersebut dipenuhi.

Geran kerajaan yang berbentuk pemindahan aset bukan kewangan, seperti tanah, diukur pada nilai saksama aset tersebut, jika nilai saksama aset tersebut boleh ditentukan atau diukur pada nilai nominal.

